

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan unjuran dan pengambilan IPG 2020 untuk Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT mengikut mata pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan sebuah institusi latihan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melatih guru untuk memenuhi keperluan sekolah rendah bantuan Kerajaan dengan menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). PISMP menawarkan 21 bidang pengkhususan yang dikelompokkan kepada empat bidang utama iaitu Bahasa, Sains dan Matematik, Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Teknik Vokasional. Di samping itu, IPG juga menawarkan tiga tambahan bidang, iaitu Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bimbingan dan Kaunseling serta Pendidikan Khas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan guru pelatih adalah berdasarkan unjuran keperluan guru yang telah ditetapkan oleh KPM. Bagi tahun 2020, unjuran keperluan guru adalah seramai 6,000 orang. Daripada jumlah tersebut, 2,840 orang untuk Sekolah Kebangsaan (SK), 1,220 orang untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), 470 orang untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan

NO. SOALAN : 40

1,470 orang untuk Pendidikan Islam. Perincian unjuran dan penawaran mengikut bidang pengkhususan seperti berikut:

Bil	Bidang	SK		SJKC		SJKT	
		Unjuran	Tawaran	Unjuran	Tawaran	Unjuran	Tawaran
1.	Bahasa Melayu	580	592	500	499	210	200
2.	Pengajian Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	800,	801	90	89	30	31
3.	Bahasa Iban	50	51	-	-	-	-
4.	Bahasa Kadazan Dusun	50	34	-	-	-	-
5.	Matematik	-	-	30	29	30	9
6.	Sains	-	-	30	30	30	4
7.	Sejarah	200	200	30	26	-	-
8.	Reka Bentuk dan Teknologi	430	433	120	26	60	18
9.	Pendidikan Seni Visual	90	91	100	26	20	12
10.	Pendidikan Muzik	-	-	60	22	30	19
11.	Pendidikan Jasmani	300	302	150	13	60	29
12.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	30	30	-	-	-	-
13.	Pendidikan Khas- Masalah Pembelajaran	100	100	15	9	-	-
14.	Pendidikan Khas- Masalah Pendengaran	40	39	5	5	-	-
15.	Pendidikan Khas- Masalah Penglihatan	20	18	-	-	-	-
16.	Bimbingan & Kaunseling	150	151	90	91	-	-
17.	Pendidikan Islam (umum)	1,470	1,472	-	-	-	-

Sekian, terima kasih